SK SRI JELOK

KAJANG SELANGOR

# NOTA SEJARAH TAHUN 6



## UNIT 1 PEMBENTUKKAN MALAYSIA

### IDEA PEMBENTUKKAN MALAYSIA

1. Melibatkan pemimpin tempatan dan pihak British. 4 idea yang dicadangkan:
   a. Lord Brassey Pengarah SBUB -1887-gabung Sabah, Sarawak, Negeri Melayu dan Negeri Selat.
   b. Tokoh tempatan-Ibrahim Yaakob dan Harun Aminurrashid- Gabung konsep Melayu Raya ( Tanah Melayu,Singapura,Seluruh Kalimantan,Kepulauan Filipina dan Indonesia-1938
   c. Malcolm MacDonald-Gabenor Jenral British Asia Tenggara-1951-Gabung Tanah Melayu,Sabah ,Sarawak dan Singapura.
   d. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj-1955-Gabung Sarawak,Sabah Singapura dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.
2. Malaysia melibatkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

### SEBAB PEMBENTUKKAN MALAYSIA

| SEBAB | HURAIAN | CARA ATASI |
|---|---|---|
| **Jamin Keselamatan Negara** | Singapura dan Sarawak diancam Komunis-boleh gugat Persekutuan Tanah Melayu. | Pengalaman Persekutuan Tanah Melayu bending komunis dapat bantu. |
| **Capai Keseimbangan Kaum** | Gabungan Tanah Melayu dengan Singapura akan berlaku ketidakseimbangan kaum | Penyertaan Brunei,Sabah dan Sarawak akan imbang kaum |
| **Percepat Kemerdekaan** | Brrunei,Singapura,Sabah dan Sarawak akan merdeka | Memerlukan muafakat semua pihak |
| **Bangunkan Sosioekonomi** | Mempercepat pembangunan infrastruktur,social dan ekonomi | Meningkat taraf hidup rakyat |

### LANGKAH PEMBENTUKKAN MALAYSIA

| BIL | TARIKH | PERISTIWA |
|---|---|---|
| 1 | 27 Mei 1961 | Tunku Abd Rahman cadang pembentukan Malaysia |
| 2 | Julai 1961 | Tunku lawat Sarawak-Terang kepada pemimpin tempatan |
| 3 | 23 Julai 1961 | JSKM ditubuh untuk menyakinkan pemimpin Sabah Sarawak |
| 4 | 17 Jan 1962 | Suruhanjaya Cobbold-dapatkan reaksi penduduk Sabah Sarawak |
| 5 | 21 Jun 1962 | Suruhanjaya Cobbold serah laporan dan mendapati 2/3 rakyat sabah Sarawak setuju pembentukkan Malaysia |
| 6 | 30 Ogos 1962 | Mesyuarat JAK-merangka perlembagaan bagi melindungi kepentingan Sabah Sarawak. |
| 7 | 1 Sept 1962 | Rundingan antara Tanah Melayu dan Singapura-Referendum di Singapura.-Rakyat Singapura bersetuju sertai Malaysia |
| 8 | 9 Julai 1963 | Penjanjian Malaysia di Malborough House London |
| 9 | 12 Ogos 1963 | PBB wujudkan UNMM bagi mengesahkan persetujuan penduduk Sabah Sarawak. |
| 10 | 16 Sept 1963 | Pemasyhuran Malaysia di Kuala Lumpur,Kota Konabalu,Sabah dan City Hall Singapura |

## TOKOH PEMBENTUKKAN MALAYSIA

| BIL | TOKOH | HURAIAN |
|---|---|---|
| 1 | Tunku Abd Rahman Putra Al-Haj | • Pemimpin UMNO<br>• Perdana Menteri Tanah Melayu<br>• Ketuai Perwakilan PTM ke London<br>• **Tandatangan Perjanjian Malaysia di London** |
| 2 | Tun Abdul Razak bin Hussein | • Pemimpin UMNO<br>• Timb.Perdana Menteri Tanah Melayu<br>• Peranan dalam JAK |
| 3 | Tun Temenggung Jugah anak Barieng | • Pemimpin PESAKA-Sarawak<br>• Anggota JSKM<br>• **Tandatangan Perjanjian Malaysia di London** |
| 4 | Tun Datu Mustapha bin Datu Harun | • Pemimpin USNO-Sabah<br>• Beri penjelasan kepada rakyat Sabah |
| 5 | Lee Kuan Yew | • Pemimpin PAP Singapura<br>• Sokong idea pembentukkan Malaysia |
| 6 | Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan | • Pemimpin SNAP-Sarawak<br>• Orang penting pembentukkan Malaysia |
| 7 | Donald Stephens( Tun Muhammad Fuad Stephens | • Pemimpin UMKO-Sabah<br>• Cadang JSKM-bentuk Malaysia |
| 8 | Datu Bandar Abang Haji Mustapha | • Pemimpin PANAS-Sarawak<br>• Sokong Malaysia<br>• **Tandatangan Penjanjian Malaysia di London** |
| 9 | Tun Muhammad Ghazali Shafie | • Pemimpin UMNO<br>• Anggota Cobbold<br>• Peranan penting bentuk Malaysia |
| 10 | Tan Sri Wong Pow Nee | • Pemimpin MCA<br>• Wakil Tanah Melayu dalam Cobbold<br>• Temuramah penduduk Sabah Sarawak |
| 11 | Tun V.T Sambathan | • Pemimpin MIC<br>• Teliti draf laporan Cobbold |

## CABARAN PEMBENTUKKAN MALAYSIA

1. Tahun 1963-1966- Indonesia isytihar Konfrontasi terhadap Malaysia-Ancaman kepada Indonesia.
2. Filipina mendakwa Sabah sebahagian daripada negaranya.

## UNIT 2 NEGERI DI MALAYSIA

### NAMA NEGERI DI MALAYSIA

1. Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan 1 Wilayah Persekutuan.

| NEGERI | IBU NEGERI | BANDAR DIRAJA | GELARAN KETUA NEGERI |
|---|---|---|---|
| Perlis | Kangar | Arau | Raja |
| Kedah | Alor Setar | Anak Bukit | Sultan |
| Pulau Pinang | Georgetown | | Yang di-Pertua Negeri |
| Perak | Ipoh | Kuala Kangsar | Sultan |
| Selangor | Shah Alam | Klang | Sultan |
| Negeri Sembilan | Seremban | Seri Menanti | Yang di-Pertuan Besar |
| Melaka | Bandar Melaka | | Yang di-Pertua Negeri |
| Johor | Johor Bahru | Bandar Maharani | Sultan |
| Pahang | Kuantan | Pekan | Sultan |
| Terengganu | Kuala Terengganu | | Sultan |
| Kelantan | Kota Bharu | | Sultan |
| Sarawak | Kuching | | Yang di-Pertua Negeri |
| Sabah | Kota Kinabalu | | Yang di-Pertua Negeri |
| Wilayah Persekutuan<br>• Kuala Lumpur<br>• Labuan<br>• Putrajaya | | | Yang di-Pertuan Agong |

### ASAL USUL NAMA NEGERI DI MALAYSIA

| NEGERI | HURAIAN |
|---|---|
| Perlis | • Perkataan Siam( prow-lowy)-Kelapa hanyut<br>• Berasal dari perkataan peroleh |
| Kedah | • Perkataan Kheddah-perangkap gajah<br>• Perkataan Arab-Qadah-cawan/gelas berkaki<br>• Tulisan Tamil-Kadaram/Kalagam |
| Pulau Pinang | • Perkataan Pulo Ka Satu-Tanjung Penaga-orang Melayu Kedah<br>• Dikaitakan dengan Pokok pinang |
| Perak | • Sempena Kilatan ikan di dalam air- berkilau seperti perak<br>• Dikaitkan dengan bijih timah putih berkilat |
| Selangor | • Asal pokok mentagau-pedagang sebut Kuala Selangau<br>• Serangga-Selangur(sangur) -banyak tepi sungai |
| Negeri Sembilan | • Gabungan 9 buah luak<br>• Perkataan minangkabau-"nogori'-wilayah |
| Melaka | • Sumber Arab-Malakat-perhimpunan para pedagang<br>• Nama Pokok Melaka. |
| Johor | • Perkataan Jauhar-Batu permata bernilai-Ujong Tanah |
| Pahang | • Nama pokok Mahang-dikenali juga Inderapura |
| Terengganu | • Perkataan Taring Anu atau Terangnya Ganu-pelangi |
| Kelantan | • Perkataan Kilatan-juga disebut sempena pokok gelam hutan |
| Sarawak | • Perkataan Sungai Serak-sempena bijih Sarawak |
| Sabah | • Perkataan Pisang Saba |
| Kuala Lumpur | • Muara sungai Gombak dan Klang yang banyak lumpur |

## UNIT 3 RUKUN NEGARA

### LATAR BELAKANG

1. Tujuan menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat dalam negara berbilang agama,kaum,,adat dan budaya.
2. Pengisytiharan dibuat pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong ke 4.sempena ulangtahun kemerdekaan ke 13.
3. Dibentuk setelah negara ditadbir oleh Majlis Gerakan Negara(MAGERAN) selepas peristiwa 13 Mei 1969.
4. Rukun negara diperkenalkan oleh Jawatankuasa Rukun Negara di bawah Majlis Perundingan Negara(MAPEN) pada Mac 1970.

### SEBAB PENGENALAN RUKUN NEGARA

| SEBAB | HURAIAN |
|---|---|
| Perbezaan Kegiatan ekonomi | • British bawah kaum cina dan India ke Tanah Melayu<br>• Masyarakat diasing ikut kegiatan ekonomi dan jurang ekonomi tak seimbang<br>• Melayu-Pertanian sara diri<br>• Cina-Perlombongan dan perniagaan<br>• India-Perladangan |
| Pengasingan Tempat tinggal | • Melayu-Kampung dan pedalaman<br>• Cina-Bandar<br>• India-Estet/ladang<br>• Menyebabkan kurang interaksi dalam masyarakat |
| Perbezaan Fahaman Politik | • Merenggangkan hubungan<br>• Membawa kepada rusuhan kaum 13 Mei 1969 |

### MATLAMAT PRINSIP RUKUN NEGARA

| PRINSIP | MATLAMAT |
|---|---|
| Kepercayaan kepada Tuhan | • Agama pegangan hidup.Lahir masyarakat saling hormati agama lain.Perpaduan dikukuhkan |
| Kesetiaan Kepada Raja dan Negara | • Beri sepenuh taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong-Ketua Negara.Lahir masyarakat Bersatu padu dan cinta akan negara |
| Keluhuran Perlembagaan | • Perlembagaan Malaysia Undang-undang tertinggi.Tiada institusi lain yang lebih tinggi.Menuntut semua rakyat menerima,mematuhi dan pertahan kemuliaan perlembagaan |
| Kedaulatan Undang-Undang | • Perlu hormat dan patuh undang-undang.Menjamin keharmonian dan keselamatan negara.Kita perlu pertahan kedaulatan undang-undang |
| Kesopanan dan Kesusilaan | • Amalan nilai murni melambangkan keperibadian rakyat Malaysia. Membentuk masyarakat berdisiplin,berakhlak mulia, serta hidup harmoni.Saling memahami serta bekerjasama |

**PERANAN RUKUN NEGARA**

| | |
|---|---|
| **Meraikan Kepelbagaian Agama dan kepercayaan** | • Membentuk masyarakat patuh akan ajaran agama masing-masing.<br>• Lahir masyarakat rendah diri,bersyukur dan hargai nikmat tuhan<br>• Dapat mengelakkan peraan dengki,rasuah,dadah dan keruntuhan moral |
| **Bentuk masyarakat Malaysia yang Patriotisme** | • Lahir masyarakat yang sanggup berjuang demi negara.<br>• Melahirkan rakyat yang hormat kepada lambang negara-Bendera Jalur Gemilang ,Jata dan lagu Negaraku |
| **Pupuk sikap menghormati undang-undang** | • Bimbing rakyat daripada terlibat dalam kegiatan jenayah,rasuah yang boleh menggugat keselamatan negara<br>• Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan negara |
| **Kukuh Perpaduan Masyarakat** | • Perli amalkan semangat permuafakatan dan tolenrasi.<br>• Rakyat perlu dibimbing untuk memahami dan menghormati budaya kaum lain. |
| **Menerapkan Nilai Murni** | • Pupuk nilai kesopanan dan budi pekerti yang tinggi.<br>• Mewujudkan hubungan harmoni dan saling menghormati |
| **Bentuk Jati Diri Masyarakat Malaysia** | • Membentuk individu yang berintegriti.<br>• Lahir rakyat yang cemerlang dan yakin diri |

**UNIT 4 KAUM DI MALAYSIA**

**KEPELBAGAIAN KAUM DI MALAYSIA**

| KAUM | HURAIAN |
|---|---|
| Melayu | • Diami Alam Melayu,cakap Bahasa Melayu dan amal adat istiadat Melayu serta beragama Islam.<br>• Pakaian- Baju Melayu (lelaki)- Baju Kurung (perempuan) |
| Cina | • Bertutur Bahasa Mandarin, Hokkein,Hakka dan Kantonis<br>• Pakaian- changsan (lelaki)-ceongsam(perempuan) |
| India | • Bertutur Bahasa Tamil,Telugu dan Malayalam<br>• Pakaian- Doti(lelaki)-sari(perempuan) |
| Iban | • Terbesar di Sarawak- Bahasa Iban<br>• Pakaian-Baju burung dan Kelambi(lelaki)-Pua Kumbu(perempuan) |
| Kadazandusun | • Kaum terbesar Sabah-Dialek sukuan |
| Orang Asli | • Terbahagi 3 -Negrito(semai),Senoi dan Melayu Proto<br>• Mahir kraftangan,ubatan herba dan bahsa ikut suku |
| Baba dan Nyonya | • Hasil perkahwinan pedagang dari China dan penduduk tempatan.<br>• Lelaki (Baba)-perempuan(Nyonya)<br>• Cara hidup,percakapan,tradisi,makanan ikut budaya tempatan<br>• Pakaian -kain batik sarung dan kebaya bersulam<br>• Tinggal di Melaka |
| Chetti | • Hasil perkahwinan pedagang India dengan penduduk tempatan.<br>• Guna Bahasa Melayu Kreol<br>• Pakaian- kebaya bersulam dan berkain batik sarung<br>• Tinggal di Melaka |

| KAUM | HURAIAN |
|---|---|
| Sikh | • Bahasa utama Punjabi<br>• Pakaian: Baju Panjang hingga lutut dan sarban (lelaki) Salwar kameez (perempuan) |
| Siam | • Tertumpu di Kedah,Kelantan,Perlis,P,Pinang dan Perak<br>• Bertutur bahasa Siam dan Melayu<br>• Sambut perayaan Songkran-tahun baru Siam |
| Serani | • Perkahwinan campur orang Portugis dengan penduduk tempatan<br>• Guna Bahasa Kristang dan Inggeris<br>• Tinggal di Melaka.tarian popular-branya dan trapeirra |
| Kaum lain Sarawak | • Melayu,Bidayuh,Kenyah,Kelabit,Melanau,Bisaya,Kedayan,Kayan, Penan dan Lun Bawang |
| Kaum Lain Sabah | • Bajau,Bisaya,Murut,Kedayan,Iranun,Rungus,Suluk,Melayu Brunei dan Orang Sungai |

**PETEMPATAN DAN KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT MALAYSIA DAHULU DAN KINI**

1. Masyarakat **Melayu** tinggal di kampung,persisiran pantai dan sungai. Bekerja sebagai petani,nelayan,peniaga kecilan dan perkhidmatan awam.
2. Masyarakat **Cina** tinggal di pekan dan bandar. Bekerja sebagai pelombong dan peniaga.
3. Masyarakat **India** tinggal di Kawasan ladang dan pinggir bandar.Bekerja di ladang,peniagaan kecilan dan pekerja Pelabuhan
4. Masyarakat Orang Asli tinggal di pedalaman Perak,Selangor,Pahang,Kelantan dan Terengganu. Menghasilkan kraftangan,berburu dan mengutip hasil hutan.
5. Kaum di Sarawak.
   a. Bidayuh,Kenyah dan Kelabit-pedalaman-padi sawah,bukit serta hasil hutan.
   b. Iban dan Bisaya-berhampiran lembah sungai dan jadi petani
   c. Melayu,Melanau dan Kedayan-Persisir pantai dan kerja pefagang,pembuat perahu dan sagu.
6. Kaum di sabah
   a. Murut-pedalaman.Kerja petani dan kutip hasil hutan.
   b. Kadazandusun dan Rungus-pedalaman. Pekerjaan Kadazandusun-padi manakalan Rungus-seni perusahaan kreatif.
   c. Bajau-Petani dan nelayan
   d. Melayu Brunei,Iranun dan suluk-Persisir pantai -kerja nelayan,pembuat perahu serta pedagang.

## ALAT MUZIK DAN TARIAN TRADISIONAL DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

### ALAT MUZIK

| KAUM | ALAT MUZIK | PEMBUATAN |
|---|---|---|
| MELAYU | • Angklung | • buat daripada buluh diikat pada ancak |
| | • Gambus | • kayu keras-kayu Nangka |
| | • Nafiri | • Logam perak. Serobongnya leper ukiran motif Bungan |
| | • Geduk | • Belulang lembu atau kerbau |
| CINA | • Gendang | • Diketuk guna 2 pemukul. Dibuat daripada kayu keras |
| | • Bo | • Spasang piring bulat rata-dibuat daripada kepingan gangsa |
| | • Seruling | • Batang buluh.Ada 8 lubang keluar bunyi |
| | • Liu Qin | • Muzik bertali-Pemetiknya dari tanduk atau plastik |
| INDIA | • Pullangkulal | • Buluh-bila tiup keluar bunyi |
| | • Talam | • Logam gangsa-bila laga keluar bunyi |
| | • Mattalam | • Gendang 2 muka dilitupi kulit kambing-Badannya dari kayu diikat tali |
| | • Veenai | • Kayu keras dan ukiran seluruh badan. Ada 7 tali logam yang akan berbunyi bila dipetik |
| SARAWAK | • Sape | • Dimain oleh Iban,Kayan,Kelabit dan Kenyah. Kayu meranti dipetik |
| | • Engkerurai | • Kaum Iban. Batang buluh yang dipasang pada buah labu kering |
| | • Engkerumong | • Kaum Iban,Bidayuh dan Melanau.Diperbuat daripada gangsa. |
| | • Gendang | • Satu muka-Kaum Iban. Kayu belian dan tapang. Mukanya ditutup kulit kambing atau kijang |
| SABAH | • Kulintangan | • Kumpulan gong kecil. Logam.Dimainkan kaum Bajau dan Kadazadusun |
| | • Sompoton | • Kadazandusun-buluh yang dilekat paa lilin kelulut dan labu kering |
| | • Tongkungan | • Kadazandusun-buah puring berbuku di kedua-dua hujung |
| | • Tontog | • Gendang bujur dari batang pokok merbau.-Kaum Rungus. |

### TARIAN TRADISIONAL

| TARIAN | HURAIAN | TUJUAN |
|---|---|---|
| Makyung | Gabungan lakonan,tarian ,muzik dan nyanyian. Alat Muzik iringan-tawak,gong,gendang anak dan ibu serta rebab serunai. | Dahulu-Tontonan istana dan majlis rasmi negara |
| Zapin | Dahulu- ditari orang lelaki-kini wanita juga terlibat. Diringi gambus,gendang,rebana dan marakas | Hiburan semasa pesta dan perkahwinan |
| Singa | Merayakan Tahun Baharu Cina,pembukaan kedai atau sambut tetamu.Alt muzik iringan bo,gendang besar dan gong | Lambang keharmonian,keamanan dan kebahagiaan |

| TARIAN | HURAIAN | TUJUAN |
|---|---|---|
| Bharata Natyam | Masyarakat India. Berkatan alam semester-dizahir gerak tubuh bermaksud sesuatu. | Pembuka tirai dalam kebudayaan India |
| Ngajat | Ajar kaum Iban berperang.persembahan hiburan dan ritual.Alat muzik bebendai,ketebong,engkerumong dan tawak | Hiburan Hari Gawai dan upacara ritual |
| Sumazau | Kadazandusun Sabah-Alat muzik gong. | Hormat semangat padi-Pesta Kaamatan |
| Sewang | Identiti Orang Asli-penari menghiasi diri dengan selempang dari bunga,daun kelapa,daun palas,daun nipah dan kulit kayu | Upacara ritual,perubatan dan keramaian |
| Bhangra | Kaum Sikh. Alt Muzik dram dhol,kayu besar,harmonica dan tamborin | Majlis keluarga dan keramaian. |

**PERMAINAN TRADISIONAL MASYARAKAT MALAYSIA**

| JENIS | PERMAINAN | CARA |
|---|---|---|
| **ANJUNG** | Congkak | • Buah guli dalam deretan lubang |
| | Batu Seremban | • Sekurangnya 2 orang pemain.-dikenali batu selambut |
| | Go atau Weiqi | • Permainan papan berpasangan.buah hitam putih |
| | Yoyo cina/Diabolo | • Individu-Batang kayu bolehkan yoyo berputar |
| | Chaturangam | • Seperti catur- 2 orang-simulasi perang. |
| | Paramapadham | • Seperti dam ular- dua-empat orang. Gerak ikut angka buah dadu |
| **LAMAN** | Sepak Raga | • Secara bulatan berkumpulan.Menimang bola secara bergilir dan paling banyak |
| | Chao Teh | • Masyarakat cina-Melayu(Tating lawi)-Timbang banayk mnang |
| | Kabaddi | • Masyarakat India.7 orang pemain sepasukan. |
| **LAPANG** | Wau | • Musim menuai-dua orang-pegang wau dan pegang tali. |
| | Tibau | • Pesta Kaul Melanau Sarawak. 2 batang kayu bentuk pyramid disusun. |
| | Sepak Manggis | • Keramaian masyarakat Kota Belud sabah.Bungkusan hadiah digantung tinggi-bola masuk menang |
| | Gasing | • Gasing uri dan pangkah. Putaran lama menang |

**CERITA RAKYAT MASYARAKAT MALAYSIA**

| CERITA | WATAK |
|---|---|
| Pak Pandir | Lurus bendul |
| Si Luncai | Nakal dan pintar |
| Mat Jenin | Kuat berangan. |
| Pak Kadok | Nasib malanga yam sabung |
| Lebai Malang | Nasib malang dan tamak |
| Puteri Santubong dan Sejinjang(Sarawak) | Berebut seorang anak raja |
| Nunuk Ragang (Sabah) | Ayam gergasi baik |
| Bawang Putih Bawang Merah | Dengki |

## UNIT 5 AGAMA DAN KEPERCAYAAN

### AGAMA DI MALAYSIA

| AGAMA | HURAIAN | KITAB |
|---|---|---|
| **ISLAM** | Sembah Allah yang Esa. 2 kepercayaan Rukun Iman dan Rukun Islam | Al-Quran dan Hadis |
| **KRISTIAN** | Percaya dibawa Jesus Christ. Hari Ahad ke Gereja beribadat | Kitab Bible |
| **BUDDHA** | Diasas Siddharta Gautama Buddha. Berasaskan Empat Kebenaran Mulia melalui Jalan Lapan Lapis Mulia | Kitab Tipitaka |
| **HINDU** | Percaya hukum karma kelakuan manusia semasa hidup dan kelahiran semula selepas mati | Kitab Veda |
| **SIKH** | Pengasas Guru Nanak-Kaum Sikh.Tuhan satu-Waheguru | Kitab Sri Guru Granth Sahib |
| KONFUSIUS | Pengasas Kun Fi Tze-penekanan prinsip moral kemanusiaan kesusilaan dan ketaatan kepada ibubapa | Buku Analek |
| TAO | Pengasas Lao Tzu. Kepentingan keharmonian hidup dengan alam semester. Ditentukan oleh Tao-Jalan | Buku Tao Te Ching |

### KEPERCAYAAN MASYARAKAT MALAYSIA

1. Berpaksikan animism. Percaya gua,pokok,atau batu besar mempunyai roh nenek moyang yang mesti dihormati.

| | |
|---|---|
| **ORANG ASLI** | • Suku Mah Meri Pulau Carey-Upacara **puja pantai**-perlindungan |
| | • Penyakit disebabkan kuasa jahat. |
| | • Orang Asli temiar dan Semai-adakan ritual halau kuasa jahat |
| **SARAWAK** | • Masyarakat Iban percaya Petara(dewa)-sampai petanda melalui mimpi. Petala dipuja dalam uoacara **Miring-**Lemambang |
| | • Masyarakat Bisaya percaya kuasa ghaib-Upacara **Tamarok-**halau kuasa ghaib daripada badan pesakit. |
| **SABAH** | • Masyarakat Bajau buat upacara **Ngeduang**. Keluarga Si mati jamu tetamu sebagai sedekah.-Lokasi pantai Barat sabah(Kota Belud) |
| | • Etnik Bajau Pantai Timur(semporna)-buat upacara **Mag'ombo**.-menghargai warisan turun temurun nenek moyang |
| | • Kadazandusun percayai Kinorohongan. Tuhan meminta sesuatu perlindungan. Percaya semangat padi iaitu **Magavau(maga'au).** Diketuai ketua bomoh Bobohizan |

## AGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

1. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan berkaitan kedudukan agama Islam yang perlu mendapat titah perkenan Yang di-Peruan Agong dan Raja-raja Melayu.

| | |
|---|---|
| Perkara 3(1) | Islam agama persekutuan. Agama lain boleh diamalkan dengan aman damai dalam mana-mana persekutuan |
| Perkara 3(2) | Di dalam negeri selain negeri yang tidak mempunyai raja,Raja ketua agama bagi negerinya sendiri. |
| Perkara 3(3) | Perlembagaan Melaka,Pulau Pinang ,Sabah dan Sarawak memperuntukkan Yang di-Pertuan Agong Ketua Agama Islam. |
| Perkara 3(5) | Yang di-Pertuan Agong Ketua Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. |

## KEDUDUKAN AGAMA LAIN DALAM PERLEMBAGAAN

| | |
|---|---|
| Perkara 11(1) | Tiap-tiap berhak menanuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk pada fasal (4) mengembangkannya |
| Perkara 11(3)(a) | Tiap-tiap kumppulan agama berhak- a. menguruskan hal ehwal agamanya sendiri |

## RUMAH IBADAT DI MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| **MASJID**<br>-ISLAM | • Masjid Negara Kuala Lumpur | • Bina 1963-rasmi 27 Ogos 1965<br>• Senibina moden,Islam dan tempatan<br>• Lambang perpaduan,tolenrasi dan keagungan |
| | • Masjid Kampung Laut Kelantan | • Bina abad 18.Tertua di Alam Melayu<br>• Terletak di Nilam Puri Kota Bharu Kelantan<br>• Berunsur ciri Alam Melayu |
| | • Masjid Al_Qadim Sarawak | • Tahun 1830 di Sibu Sarawak.<br>• Dibina Tuan Hj Salam Minangkabau<br>• Rekabentuk Masjid Agung Demak Jawa Tengah |
| **GEREJA**<br>-KRISTIAN | • St Michael Sabah | • Tahun 1893 di Sandakan Sabah. Gereja granit tertua di Sabah dan Malaysia |
| **WAT**<br>-BUDDHA | • Wat Boonyaram Padang Sera Kedah | • Tahun 1932. Rumah Ibadat Masyarakat Siam di Kedah dan Perlis.<br>• Terletak di Kodiang Kedah |
| **TOKONG**<br>TAO/KONFU SIUS | • Tokong Cheng Hoon Teng Melaka | • Tahun 1645. Bermaksud Awan Hijau. Penganut Buddha dan Tao. |
| **KUIL**<br>-HINDU | • Kuil Arulmigu Sri Rajakaliamman Johor | • Tahun 1922. Terletak di Jalan Tebrau Johor.Dina semula daripada kaca 1996. Kuil kaca pertama di Malaysia |
| **GURDWARA**<br>-SIKH | • Wadda Gurdwara Sahib Pulau Pinang | • Tahun 1901. Seni bina Moor dan moden.Dijadikan tapak warisan Kebangsaan |

## UNIT 6 PERAYAAN MASYARAKAT MALAYSIA

### PERAYAAN UTAMA MASYARAKAT MALAYSIA

| PERAYAAN | MASYARAKAT | HURAIAN |
|---|---|---|
| HARI RAYA AIDILFITRI | ISLAM | • 1 Syawal tanda kesyukuran selepas ibadah puasa |
| HARI RAYA AIDILADHA | ISLAM | • 10-13 Zulhijah. Ibadat korban dan bersedekah |
| TAHUN BAHARU CINA | CINA | • Hari pertama calendar Cina. Bermula bila semua keluarga berkumpul makan besar. Berakhir dengan Chap Goh Meh. |
| DEEPAVALI | INDIA | • Bulan Aippasi calendar Hindu. Tanda kecerahan atasi kegelapan/kebijaksaan atasi kejahilan. Penganut hias rumah dengan “kolam” dan nyala pelita |
| THAIPUSAM | INDIA | • Bulan ke 10 kalendar Hindu.Bagi pembayar niat mereka bawa persembahan Dewa Murugan tanda terima kasih. |
| HARI GAWAI | IBAN /DAYAK/ BIDAYUH | • 1 Jun setiap tahun.Tanda syukur hasil padi .Persembahan Ngajat diadakan |
| PESTA KAAMATAN | KADAZANDUSUN/ MURUT | • Bulan Mei setiap tahun.Disambut golongan petani tanda syukur hasil tuaian. Upacara ritual Magavau oleh Bobohizan.Pertandingan Unduk Ngadau diadakan |
| KRISMAS | KRISTIAN | • 25 Dis setiap tahun sempena kelahiran Jesus Christ.<br>• Pemberian hadiah dan nyayian karol diadakan. |
| HARI WESAK | BUDDHA | • Bulan Mei setiap tahun.Peristiwa penting Siddharta Gautama-Kelahiran,capai kesempurnaan fikiran dan Nirwananya.Patung Buddha dimandikan. |
| VAISAKHI | SIKH | • Bulan ke 4 Vaisak calendar Sikh.Pada 14 haribulan Vaisakh.Upacara sembahyang tanda syukur hasil tuaian tanaman.<br>• Tarian Bhangra dan Gidha disambut luar Gurdwara |
| TAHUN BAHARU | ORANG ASLI | • Jakun-(Tahon Baro) -Semai(Jis Pai)-Temuan(Tahun Bahauk)= Mah Meri(Tawun Ampai- Orang Asli Selangor dan N.Sembilan ( Hari Moyang).Semua bermula 31 Dis setiap tahun. |
| SAN PEDRO | PORTUGIS | • Masyarakat Portugis di Melaka. Bulan Jun setiap tahun. Meraikan San Pendro-penaung nelayan. Kapal dihias indah. |

### TUJUAN PERAYAAN MASYARAKAT MALAYSIA

1. Tujuan perayaan adalah untuk tuntutan agama,Meraikan Tahun Baharu,Mesyukuri Hasil tanaman atau laut.Disamping itu mengharapkan unsur baik atasi kejahatan dan mengingati tokoh agama.

## CARA SAMBUTAN PERAYAAN DAHULU DAN KINI

| DAHULU | KINI |
|---|---|
| • Kad ucapan dihantar guna pos atau serahan tangan | • Dihantar guna media elektronik dan sosial. |
| • Gambar keluarga ambil di kedai gambar | • Swafoto Bersama keluarga dan memuat naik di media sosial. |
| • Tradisi buat "kolam" daripada tepung semasa Deepavali | • "Kolam" daripada beras atau hampas kelapa warna warni |
| • Tradisi makan besar dengan berkumpul di rumah. | • Makan besar di restoran atau hotel |
| • Penyediaan kuih-muih dengan bahan dan kaedah tradisional serta bergotong-royong | • Penggunaan peralatan moden dalam pembuatan kuih. Kuih juga mudah dibeli |
| • Hari Gawai disambut golongan petani daripada kaum Dayak dengan pelbagai ritual | • Disambut pelbagai kaum tanpa mengira pekerjaan |
| • Upacara Unduk Ngadau(ratu cantik)-pemenang dipilih ikut semangat Huminodun-sanggup berkorban untuk selamat generasinya | • Pemenang Unduk Ngadau dipilih berdasarkan soal jawab tentang sejarah dan kehidupan masyarakat lampau |
| **Persamaan yang kekal diamalkan iaitu tradisi balik kampung , Pemberian ampau atau duit raya dan amalan kunjung mengunjung dalam masyarakat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama.** | |

## UNIT 7 PEMIMPIN NEGARA MALAYSIA

### KENALI PERDANA MENTERI KITA

1. Ketua Kerajaan dalam pentadbiran Negara. Perdana Menteri dilantik Yang di_pertuan Agong.
2. Pada zaman kesultanan Melaka Bendahara ketua pembesar. Pada masa kini Perdana Menteri Ketua Kerajaan.
3. Jawatan ini bermula selepas Tanah Melayu merdeka pada 31 Ogos 1957 hingga kini

### PERDANA MENTERI KEBANGGAAN KITA

| NAMA | HURAIAN |
|---|---|
| **TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ** | • Lahir 8 Feb 1903 di Alor Setar Kedah. Pendidikan awal di SR Melayu Alor Setar pada 1909. Lanjut pelajaran ke Penang Free School dan University Cambridge England (Undang-undang)<br>• Kahwin-Tun Sharifah Rodziah bt Syed Alwi Barakbah<br>• Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu -1955 dan Perdana Menteri -31 Ogos 1957-22 Sept 1970<br>• Digelar Bapa Kmerdekaan pada 30 Ogos 1957<br>• Meninggal pada 6 Dis 1990 |

| NAMA | HURAIAN |
|---|---|
| **TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN** | • Lahir 11 Mac 1922 di Pulau Keladi Pekan Pahang.Pendidikan awal di Sek Melayu Kampung Jambu Langgar Pahang.Lanjut pelajaran ke Kolej Melayu Kuala Kangsar, Raffles College Singapura<br>• Kahwin dengan Tun Rahah bt Mohamed Noah.<br>• Menjadi **Perdana Menteri kedua**-22 Sept 1970-14 Jan 1976<br>• Digelar Bapa Pembangunan . Meninggal pada 14 Jan 1976 |
| **TUN HUSSEIN BIN ONN** | • Lahir 12 Feb 1922 di Johor Bahru.Pendidikan awal di Telok Kurau Primary School Singapura. Lanjut pelajaran ke MAktab Sultan Abu Bakar Johor dan Lincoln's Inn London (Undang-undang)<br>• Kahwin dengan Tun Suhailah bt Mohamed Noah<br>• Berkhidmat sebagai pegawai Daerah Klang dan Kuala Selangor.<br>• **Perdana Menteri ketiga** mulai 15 Jan 1976-16 Julai 1981.<br>• Digelar Bapa Perpaduan. Meninggal pada 29 Mei 1990 |
| **TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD** | • Lahir pada 10 Julai 1925 di Seberang Perak Alor Setar Kedah.Pendidikan awal di Kolej Sultan Abdul Hamid Kedah dan Universiti Malaya Singapura( Perubatan)<br>• Kahwin dengan Tun Dr Hasmah bt Mohd Ali<br>• Pernah berkhidmat sebagai pegawai perubatan di Alor Setar dan Langkawi.<br>• **Perdana Menteri keempat** mulai16 Julai 1981-30 Oktober 2003<br>• Digelar Bapa Pemodenan |
| **TUN ABDULLAH BIN AHMAD BADAWI** | • Lahir 26 Nov 1939 di Kampung Perlis bayan Lepas P.Pinang.Pendidikan awal di Sek Melayu Permatang Bertam . Lanjut pelajaran ke Universiti Malaya (Pengajian Islam)<br>• Kahwin dengan Datin Seri Endon bt Dato Mahmood. Kahwin pula dengan Tun Jeanne bt Abdullah<br>• Pernah berkhidmat sebagai S/U MAGERAN.<br>• **Perdana Menteri kelima** mulai 31 Oktober 2003-3 April 2009<br>• Digelar Bapa Pembangunan Modal Insan |
| **DATO'SRI NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK** | • Lahir pada 23 Julai 1953 di Kuala Lipis Pahang. Pendidikan awal di St John Institution Kuala Lumpur. Lanjut pelajaran ke Universiti Nottingham England(Ekonomi Indaustri)<br>• Kahwin dengan Datin Sri Rosmah bt Mansor<br>• Pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar Pahang<br>• **Perdana Menteri keenam** mulai 3 April 2009-9 Mei 2018<br>• Perkenal Gagasan1 Malaysia. |
| **TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD** | • **Perdana Menteri ketujuh** buat Kali kedua pada 10 Mei 2018-24 Feb 2020<br>• Pernah berkhidmat sebagai pengerusi PETRONAS<br>• Perkenal Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 |
| **TAN SRI MAHIADDIN BIN MD YASIN** | • Lahir pada 15 Mei 1947 di Muar Johor.Pendidikan awal di SK Ismail Muar.Lanjut pelajaran ke Universiti Malaya (Ekonomi dan Pengajian Melayu)<br>• Kahwin dengan Puan Sri Nooainee bt Abdul Rahman<br>• Pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar Johor<br>• **Perdana Menteri kelapan** mulai 1 Mac 2020-16 Ogos 2021 |

| NAMA | HURAIAN |
|---|---|
| **DATO SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB** | • Lahir pada 18 Jan 1960 di Temerloh Pahang.Pendidikan awal di SK Bangau Temerloh. Lanjut pelajaran ke Universiti Malaya(Undang-Undang)<br>• Kahwin dengan Datin Seri Muhaini bt Zainal Abidin.<br>• Pernah menjadi Menteri belia dan Sukan<br>• **Perdana Menteri kesembilan** mulai 20 Ogos 2021 |
| **DATO SERI ANWAR BIN IBRAHIM** | • |

**TUGAS PERDANA MENTERI**

1. Menasihati YDPA berkaitan dengan pemerintahan negara.
2. Mengiringi YDPA ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja
3. Mencadangkan senarai Jemaah Menteri untuk dilantik oleh YDPA.
4. Mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Menteri
5. Menjadi ketua pentadbir utama yang merancang dan menyelaras semua dasar negara.
6. Memastikan semua dasar pembangunan negara dapat ditingkatkan demi kesejahteraan rakyat.
7. Menjalin hubungan diplomatic dan persahabatan dengan negara luar.
8. Mencadangkan pelantikan duta,diplomat dan konsulat bagi mewakili negara untuk menjalin Kerjasama dengan negara lain

**PENCAPAIAN NEGARA DI BAWAH KEPIMPINAN PERDANA MENTERI**

| | |
|---|---|
| **TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ** | • Memperjuangkan kemerdekaan secara rundingan<br>• Realisasi Pembentukan Malaysia 16 Sept 1963 |
| **TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN** | • Kembalikan keamanan selepas peristiwa 13 Mei 1969-melalui MAGERAN.<br>• Perkenal Dasar Ekonomi Baru(DEB)-basmi kemiskinan dan Menyusun semula masyarakat berbilang kaum. |
| **TUN HUSSEIN BIN ONN** | • Perkenal AManah Saham Nasional untuk memudahkan kaum Bumiputera memiliki saham.<br>• Perkenal Program Rukun Tetangga-galak perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa |
| **TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD** | • Realisasi Wawasan 2020-negara maju.<br>• Bina Putrajaya, KLIA dan Menara Berkembar Petronas (KLCC)<br>• Perkenal Perindustrian Berteknologi tinggi melalui HICOM |
| **TUN ABDULLAH BIN AHMAD BADAWI** | • Perkenal Koridor Wilayah Ekonomi-pastikan pembangunan ekonomi seimbang<br>• Perkenal Pelan Integriti Nasional-bina masyarakat bermoral etika. |
| **DATO SRI NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK** | • Perkenal Gagasan 1 Malaysia-perkukuh hubungan antara kaum.<br>• Melancarkan Program Tranformasi Kerajaan-matlamat negara berpendapatan tinggi. |

| | |
|---|---|
| **TAN SRI MAHIADDIN BIN MD YASIN** | • Tubuh Majlis Tindakan Ekonomi-Galak pertumbuhan sosioekonomi dan tingkat pelaburan<br>• Umum peruntukan besar kewangan bantu rakyat susulan PKP semasa Pandemik COVID-19 |
| **DATO SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB** | • Perkenal Konsep Keluarga Malaysia.Meraikan keterangkuman pelbagai bangsa,agama,bangsa ,kaum dan usia. |

## UNIT 8 KEMAJUAN EKONOMI MALAYSIA

### PERKEMBANGAN AWAL EKONOMI MALAYSIA

| | |
|---|---|
| **EKONOMI TRADISIONAL**<br><br>**PERTANIAN DAN PERLOMBONGAN** | • Diusaha kecilan menggunakan peralatan cangkul dan sabit<br>• Modal kecil dan tenaga kerja tidak banyak<br>• Tujuan untuk keperluan sendiri dan keluarga |
| **EKONOMI KOMERSIAL**<br><br>**PERTANIAN DAN PERLOMBONGAN** | • Secara perladangan dan guna peralatan moden seperti mesin dan jentera penuai<br>• Perlu modal besar dan buruh yang banyak<br>• Tujuan kegunaan tempatan dan eksport |

### KEGIATAN EKONOMI PEMANCU KEMAJUAN NEGARA

### GETAH/KELAPA SAWIT

**1.** Sektor pertanian utama sejak abad ke-20

| | | |
|---|---|---|
| **GETAH/KELAPA SAWIT** | • Tingkat ekonomi negara | • Sarung tangan dan minyak sawit dieksport |
| | • Sedia peluang pekerjaan | • Perlu tenaga kerja banyak |
| | • Wujud Industri Hiliran | • Perabot kayu getah |
| | • Memaju Industri AsasTani | • Tingkat Pengeluaran Bahan Makanan dan jana pendapatan |
| | • Bangun Industri Biodiesel | • Sawit diproses jadi sabun dan minyak |

### PETROLEUM/GAS

**1.** Sektor petroleum bermula di Miri pada tahun 1910.Penubuhan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). Pemilikkan sepenuhnya kerajaan Malaysia pada 1974 berjaya memajukan industri Petroleum dan gas negara

| | | |
|---|---|---|
| **PETROLEUM/GAS** | • Tingkat peluang pekerjaan | • Pembukaan stesen minyak |
| | • Melahirkan usahawan | • Pembukaan stesen minyak |
| | • Tingkat pendapatan Negara | • Penaja utama sukan permotoran-Grand Prix Malaysia. |
| | • Tingkat Pendidikan Rakyat | • Biasiswa melanjut pelajaran di Universiti Teknologi Petronas |

## AUTOMOTIF

1. Sektor Automotif diperkenal pada 1983. Perusahaan Otomobil Nasional Bhd(PROTON) Kilang pertama di Shah Alam pada 1983. Kilang kedua di Tanjung Malim Perak 2005

2. Proton Saga model pertama Malaysia dikelurkan pada bulan Julai 1985. Dorong perkembangan industry berat dan teknologi.

3. Pada tahun 2018, PROTON jalin usahasama pengeluaran kereta dengan perusahaan Automotif. Geely Holding Group.Model

4. Penubuhan Perusahaan Otomobil kedua Sdn Bhd (PERODUA) tahun 1993-rancak perkembangan ekonomi negara.

## PELANCONGAN

### KEISTIMEWAAN MALAYSIA YANG MENJADI TARIKAN PELANCONG

| | |
|---|---|
| **Tapak dan Bangunan Bersejarah** | • Pengekalan tapak warisan negara-Kota Al-Farmosa<br>• Pemuliharaan hasil seni bina tradisional-tarik pelancong |
| **Keindahan Alam Semula Jadi** | • Pelbagai flora dan fauna- Taman Royal Belum Perak<br>• Keunikan Pulau,laut dan tanah tinggi- Pulau Langkawi, Gunung Kinabalu dan Gua Niah |
| **Keharmonian Masyarakat dan keunikan Budaya** | • Keharmonian dan keunikan budaya- Wayang Kulit<br>• Aneka makanan-Ketupat,rendang, sate |
| **Agropelancongan** | • Berasaskan pertanian,perikanan,penternakan dan industri asas tani- Buah durian dan memancing ikan<br>• Rasai kehidupan rakyat Malaysia berkonsep inap desa |
| **Penganjuran sukan,Muzik dan Pameran Antarabangsa** | • Sukan perlumbaan Formula One-Sepang dan Le Tour De Langkawi-tarik minat<br>• Festival Muzik Hutan Hujan Sedunia di Sarawak-promosi Malaysia.<br>• Pameran LIMA Langkawi-pameran maritim dan aeroangkasa. |

### PENCAPAIAN EKONOMI MALAYSIA

1. Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia pada 1985- perabot,barangan elektrik serta produk makanan
2. Produk pertanian-minyak masak,buah durian,buah nanas.sabun.
3. Produk Petroleum- Minyak petrol, Minyak pelincir,Gas memasak.
4. Produk Automotif- Motosikal Kris dan Kereta Proton dan Perodua.
5. Pembangunan pesat-bangunan pencakar langit- KLCC dan Menara Kuala Lumpur dan Putrajaya.
6. Perhubungan moden- Pengangkutan MRT,Komuter,LRT dan KLIA
7. Perdagangan- e-dagang- Jualan atas talian merancakkan ekonomi

## UNIT 9 SUKAN KEBANGGAN MALAYSIA

### PENCAPAIAN SUKAN KEBANGGAAN MALAYSIA

| SUKAN | HURAIAN |
|---|---|
| **BADMINTON** | • Dimajukan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) 1960.<br>• Penganjuran antarabangsa.Atlet kebanggaan Misbun Sidek dan Lee Choong Wei<br>• Juara Piala Thomas 5 kali.<br>• Pingat Perak dan gangsa Olimpik<br>• Juara Al-England |
| **BOLA SEPAK** | • Dibangunkan Persatuan Bola Sepak Malaysia(FAM) 1963<br>• Anjur Liga Malaysia. Tokoh negara-Soh Chin Ann dan Mokhtar Dahari<br>• Layak sukan Olimpik Munich 1972 dan Moscow 1980<br>• Juara Piala Suzuki AFF 2010 |
| **OLAHRAGA** | • Dibangunkan Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia)KOAM) 1952<br>• Menganjur Kejohanan Olahraga Kebangsaan<br>• Lahir atlet seperti Dr M.Jegathesan,Rabuan Pit dan Watson Nyambek<br>• Peringkat antarabangsa-100 meter sukan Asia 1966 dan 1982<br>• Sumbang 8 emas sukan SEA 2017 |
| **HOKI** | • Digerak oleh Konfederasi Hoki Malaysia(MHC) 1953<br>• Anjur Liga Hoki Kebangsaan . pemain berbakat seperti Poon Fook Loke, Munarwan Nawawi dan Sarjit Singh.<br>• Layak 8 kali kejohanan hoki dunia.<br>• Keempat Hoki dunia dan naib johan Sukan Komanwel 1998 |

### ATLET KEBANGGAAN NEGARA

| NAMA | SUKAN | KEJAYAAN |
|---|---|---|
| **LEE CHONG WEI** | Badminton | • Nombor 1 dunia-2006,2008,2012 dan 2013<br>• Juara All England-4 kali |
| **NICOL ANN DAVID** | Skuasy | • Pemegang gelaran wanita nombor 1 dunia paling lama-108 bulan<br>• Juara Dunia-8 kali dan dinobat atlet terunggul sepanjang zaman sukan dunia 2021 |
| **S.KUHAN** | Hoki | • Penjaring terbanyak 1997,1999 dan 2003<br>• Mewakili negara sebanyak 341 kali dalam pelbagai kejohanan |
| **PANDELELA RINONG ANAK PAMG** | Terjun Papan Anjal | • Sumbang pingat gangsa pertama Olimpik London 2012<br>• Pembawa bendera wanita pertama Olimpik Malaysia<br>• Pingat emas Piala dunia terjun FINA Tokyo 2021 |
| **MOHD AZIZULHASNI AWANG** | Pecut Lumba basikal | • Pegang nombor 1 pada Februari 2021<br>• Pingat Gangsa Olimpik Rio 2016 dan Perak Tokyo 2020<br>• Digelar “The Pocket Rocketman” |
| **TEAM SECRET MY** | E-sukan PUBG | • Kejohanan Final Global PUBG Mobile 2021<br>• Tempat ketujuh dunia |
| **NURUL HUDA ABDULLAH** | Renang | • 7 emas Sukan SEA Bangkok 1985<br>• 7 emas Sukan SEA Jakarta 1987<br>• 8 emas Sukan SEA Kuala Lumpur 1989 |

| NAMA | SUKAN | KEJAYAAN |
|---|---|---|
| ABDUL MALIK MOHAMED NOOR | Bina Badan | • 6 kali gelaran Mr Asia heavyweight<br>• Olahragawan negara 1986 dan 1991 |
| BONNIE BUNYAU GUSTIN | Angkat berat paralimpik | • Pingat emas dan pecah rekod dunia Piala Dunia Para Powerlifting Fazza Dubai 2021<br>• Emas Sukan Paralimpik Tokyo 2020 |
| MUHAMAD ZIYAD BIN ZOLKIFLI | Lontar Peluru F20 Paralimpik | • Emas Sukan Paralimpik Rio 2016<br>• Pecah rekod dunia parealimpik-16.84 m |

**SUKAN ALAT PERPADUAN**

| PROGRAM | HURAIAN |
|---|---|
| RIMUP | • Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan 2005<br>• Mewujudkan perpaduan dalam sukan permainan antara kaum |
| 1M 1S | • 1 Murid 1 Sukan 2011<br>• Setiap murid terlibat sekurangnya 1 sukan di sekolah<br>• Memupuk perpaduan |
| MSSM | • Majlis Sukan Sekolah Malaysia-anjuran setiap tahun<br>• Medan atlet kembang bakat di peringkat sekolah<br>• Bentuk perpaduan. |
| SUKMA | • Sukan Malaysia- bergilir ikut negeri-terbesar di Malaysia<br>• Penglibatan atlet pelbagai kaum-wujud perpaduan<br>• Atlet berpotensi ke peringkat antarabangsa |
| SUKIPT | • Sukan Institusi Pendidikan Tinggi<br>• Peringkat pengajian tinggi sahaja-kukuh perpaduan |
| PARALIMPIK | • Sukan Orang Kurang upaya(OKU)<br>• Peringkat kebangsaan dan antarabangsa-perpaduan kaum |

**SUKAN ANTARABANGSA DI MALAYSIA**

| PROGRAM | HURAIAN |
|---|---|
| SUKAN SEA | • Tuan rumah- 1965,1971,1977,1989,2001 dan 2017<br>• 1965-1971- dikenali sebagai sukan SEAP-kukuh hubungan serantau |
| PIALA THOMAS | • Sukan Badminton -6 kali di Malaysia (1970,1984,1988 dan 1992)-Stadium Negara<br>• Tahun 2000 dan 2010-Stadium Putra Bukit Jalil-Imej Gemilang |
| HOKI PILA DUNIA | • Tuan rumah-1995 di Stadium Merdeka-libat 12 negara<br>• Tahun 2002-Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil- libat 16 negara |
| SUKAN PERMOTORAN | • Peringat Antarabangsa 1991<br>• Grand Prix Motocycle Racing (MotoGP)<br>• Superbike World Championship-Jana pendapatan negara |
| LE TOUR DE LANGKAWI | • Acara tahunan mulai 1996 sempena lokasi perlepasan iaiatu Pulau Langkawi<br>• Laluan perjalanan membantu promosi keindahan Malaysia |
| SUKAN KOMANWEL | • Negara Asia pertama anjur 1998<br>• Stadium Bukit Jalil dan Orang Utan Maskot negara |
| FORMULA ONE DAN E | • Tuan rumah Formula one 2000 di Sepang International Circuit(SIC) |

## UNIT 10 MALAYSIA DAN DUNIA

### MALAYSIA DALAM PERTUBUHAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

### MALAYSIA DAN ASEAN

1. Associtiontion of Sountheast Asian Nations-Pertubuhan Negera Negara Asia Tenggara.
2. Ditubuhkan pada 8 Ogos 1967- 10 negara anggota
3. Malaysia,Thailand, Indonesia, Myammar, Laos,Kemboja ,Vietnam, Brunei, Filipina dan Timor Leste
4. Jamin kestabilan politik keamanan serantau dan pembangunan kebudayaan
5. Sumbangan Malaysia-
   - Tuan rumah mesyuarat Menteri Luar ASEAN
   - Bantu tangani isu pencerobohan Vietnam terhadap Kemboja
   - Bantu redakan komflik Selatan Filipiha

### MALAYSIA DAN KOMANWEL

1. Bermula sejak merdeka dalam Komanwel.
2. Komanwel dibentuk pada 11 Disember 1931- dianggota 54 buah negara bekas tanah jajahan British kecuali Mozambique dan Rwanda.
3. Ibu pejabat Sekretariat Komanwel di London England.
4. Matlamat Komanwel
   - Bina semangat setia kawan sesama anggota dan wujud Kerjasama dalam bidang Pendidikan,ekonomi,kesihatan serta belia dan sukan
5. Sumbangan Malaysia-
   - Kecam Dasar Apartied di Afrika Selatan-beza penduduk ikut warna kulit.
   - Bantu tamatkan Dasar Apartied -tahun 1993
   - Tuan rumah (CHOGM) 1989
   - Mengisytihar Deklarasi Langkawi 1989-Tanggungjawab mengawal dan mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.
6. Semangat setia kawan bantu pertahanakan keamanan dan kedaulatan negara kita- bersyukur dan berusaha erat hubungan sesame negara anggota.

## MALAYSIA DAN PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC)

1. Ditubuhkan pada 25 September 1969. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj-Setiausaha Agung pertama.
2. Pejabat OIC di Jeddah Arab Saudi- Dianggotai 57 negara Islam
3. Bahasa rasmi OIC -Bahasa Arab,Inggeris dan Perancis
4. Matlamat OIC
    - Kukuh perpaduan serta mengerat hubungan atara negara Islam dan kekal keamanan
5. Faedah sertai OIC- dapat tingkat Kerjasama dalam bidang politik,sosial dan budaya.
6. Sumbangan Malaysia-
    - Bantu Penubuhan Bank Pembangunan Islam 1975
    - Tangani isu Bosnia dan herzergovina 1991
    - Sokong perjuangan rakyat Palestin menentang Israel.
    - Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) 1983

## MALAYSIA DAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB)

1. Ditubuh pada 24 Oktober 1945 selepas perang Dunia Kedua-keahlian seluruh dunia
2. Ibu pejabat di New York, Amerika Syarikat
3. Bahasa rasmi- Bahasa Arab,Mandarin,Inggeris,Perancis,Rusia dan Sepanyol.
4. Matlamat PBB
    - Jamin keamanan dan keselamatan dunia
5. Faedah Penyertaan Malaysia dalam PBB
    - Pelihara dan pertahan kepentingan negara dalam sebarang keputusan diambil PBB.
    - Peranan aktif Malaysia menyumbang pendapat dalam isu global
6. Sumbangan Malaysia-
    - Bawa isu Perjuangan Palestin-usaha penyelesaian adil
    - Desak Perangi gejala penyalahgunaan dadah-dorong Persidangan Vienna Austri Jun 1987. Tun Dr Mahathir PM ke-4 -Presiden persidangan.
    - Selesai konflik Antarabangsa-Hantar askar ke Congo 1961 dan Bosnia 1992

## PENGIKTIRAFAN (PBB) KEPADA MALAYSIA

1. Pasukan Pengaman PBB- Diiktiraf pemberian sijil dan pingat perkhidmatan PBB.-Lubnan.
2. Sumbangan individu- Tan Sri Razali Ismail- Pengerusi PBB 1989-1990
3. Pengiktirafan UNESCO-**Tapak Warisan Dunia Alam Semula jadi** 2000- Taman Negara Gunung Mulu dan Taman Kinabalu sabah. Dan **Tapak Warisan Kebudayaan**-Melaka dan GoegeTown serta **Daftar Warisan Budaya**- Makyung (2005), Dongdang Sayang (2018), Silat ( 2019) dan **Daftar Memori Dunia-** Hikayat hang Tuah, Batu Bersurat Terengganu



Assalamualaikum w.b.t dan salam perpaduan. Saya berharap semoga nota ini dapat memberi manfaat kepada semua pelajar tahun 4 hingga 6 . Saya mohon sejuta kemaafan sekiranya ada silap dan salah dalam penulisan saya ini.Subjek Sejarah bukan sahaja untuk pembelajaran semata-mata malahan juga untuk melahirkan warganegara yang sayang akan negara dan menjadi pengajaran demi masa depan negara.

**MOHD BASERI BIN SAID**
**KP SEJARAH SK SRI JELOK**

## FORMAT PENTAKSIRAN SEJARAH TAHUN 4-6

| BIL | PERKARA | FORMAT |
|---|---|---|
| 1 | **Jenis Instrumen** | Ujian Bertulis |
| 2 | **Jenis Ujian** | • Objektif Aneka Pilihan (OAP)<br>• Objektif Pelbagai Bentuk (OPB)<br>• Subjektif Respons Terhad (SRT) |
| 3 | **Bilangan Soalan** | **Bahagian A:** 20 soalan ( 20 markah)<br>**Bahagian B:** 4 soalan ( 20 markah)<br>**Bahagian C:** 2 soalan (10 markah) |
| 4 | **Markah** | 50 markah |
| 5 | **Tempoh Ujian** | 1 Jam 15 Minit |
| 6 | **Konstruk** | • Mengingat<br>• Memahami<br>• Mengaplikasi<br>• Menganalisis<br>• Manilai<br>• Menjana idea |
| 7 | **Aras Kesukaran** | Rendah : Sederhana:Tinggi (5:3:2) |
| 8 | **Kaedah Penskoran** | • Dikotomus<br>• Analitikal<br>• Holistik |